

Hentikan segera dera pembantu rumah: Aseh

KUALA LUMPUR, Selasa – Jabatan Imigresen meminta majikan menghentikan serta-merta perbuatan mendera pembantu rumah masing-masing kerana ia bukan saja tindakan yang tidak berperikemanusiaan malah memalukan negara.

Ketua Pengarahnya, Datuk Aseh Che Mat kecewa dengan tindakan segelintir majikan yang berterusan mendera pembantu rumah walaupun pendedahan dibuat secara besar-besaran bagi membangkitkan kesedaran rakyat mengenainya.

“Kami membuat pendedahan bebe-

rapa kes penderaan minggu lalu bagi memberi kesedaran dan pengajaran kepada majikan supaya menghentikan perbuatan itu, tetapi malangnya ia masih berterusan.

“Saya harap kes penderaan pembantu rumah itu (Kusiah Manijan) yang cedera parah di Ipoh adalah yang terakhir. Selepas ini, saya tidak mahu dengar lagi kes pembantu rumah didera sebegitu ganas,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas Kusiah, 50, yang cedera parah di kepala, diperca-

yai didera isteri majikannya. Berikutan kejadian itu, Kusiah yang berasal dari Jakarta Barat dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Ipoh.

Baru-baru ini, di Petaling Jaya seorang pembantu rumah, Nurjanah Matyak, 40, dari Pontianak juga mengalami kecederaan akibat didera mental dan fizikal.

Aseh berkata, beliau sudah meminta Pengarah Imigresen Perak, mengemukakan laporan lengkap berhubung kes berkenaan.

“Berdasarkan laporan akhbar perbu-

tan itu memang ganas...saya pun terkejut mendengar kes itu dan kini masih menunggu laporan lengkap,” katanya.

Mengenai tindakan ke atas isteri majikan itu, Aseh menegaskan tindakan drastik yang boleh diambilnya pihaknya ialah menyenaraihitam mereka supaya tidak layak mendapat pembantu rumah.

“Selain daripada tidak boleh memohon pembantu rumah, dia juga tidak akan dibenarkan menikmati kemudahan lain yang disediakan jabatan, termasuk urusan passport,” katanya.

Selain itu, wanita terbabit juga akan menghadapi tindakan mahkamah berdasarkan siasatan polis mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan.

Mengenai bantuan kepada Kusiah, Aseh menyatakan kesediaan jabatannya untuk mendapatkan majikan baru sekiranya mangsa masih berminat untuk bekerja di Malaysia.

“Kita simpati dengan mangsa...jika dia masih berminat untuk bekerja di sini kami boleh dapatkan majikan lain atau menghantar pulang (jika mahu balik ke Indonesia).” katanya.